

23/10/1998

Laporan asing lekeh, memualkan

Abdul Wahab Ali

KALAU ada masyarakat kita yang tidak lagi mahu mempercayai laporan media utama tempatan mengenai isu semasa kerana menganggap media kita adalah pengampu kerajaan atau government apologists semata-mata, apa pula agaknya tanggapan mereka apabila menyemak laporan media asing.

Sudah tentunya media asing bukan pengampu kerajaan. Mereka sebenarnya 'penghentam-kromo' di sebalik dakwaan angkuh mengenai betapa laporan mereka berteraskan kebenaran, yang kononnya bersalut dengan pedoman impartiality atau tidak memihak.

Tentu kita tidak ada apa-apa sungutan dengan sifat hakiki media asing itu kerana tidak mungkin kita mengharapkan mereka untuk menjadi pengampu kerajaan dengan laporan yang memuja-muji.

Namun, yang dilaporkan media asing itu adalah bersandarkan fakta yang serba-salah hinggak laporan itu bukan saja bersifat separa-fiksi (sedangkan laporan berita seharusnya berdasarkan faktual), malah kita dapat menghidu sikap sombong-bodoh, hingga boleh ditakrifkan laporan itu sebagai lekeh dan memualkan.

Jika begitu, apakah hanya kerana media asing bukan pengampu kerajaan, kita boleh terima segala bentuk perlakuan mereka sungguhpun fakta kepada laporan itu adalah silap hingga menjadikan laporan mereka sebakul penuh pembbohongan?

Mengambil isu black eye membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim misalnya.

Hampir semua media asing yang melaporkannya, langsung tidak memuatkan seadil-adilnya dalam laporan berita mereka mengenai betapa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan siasatan rapi polis mengenainya.

Beliau juga mengingatkan, jika benar seperti yang didakwa kononnya ia contoh police brutality atau kekerasan polis, kerajaan beliau tidak dapat menerima perbuatan itu.

Media asing sebaliknya telah mencedok out of context atau luar konteks daripada kenyataan lisan Dr Mahathir dengan memberikan keutamaan kepada jawapannya ekoran soalan hypothetical wartawan, mengenai kemungkinan kecederaan itu dialami kerana self-inflicted atau mencederakan diri sendiri.

Laporan berita mereka dibuat seolah-olah ketika memulakan saja sidang akhbar mengenai kejadian itu, sekonyong-konyong itulah juga Dr Mahathir terus menyatakan kemungkinan mengenai self-infliction berkenaan.

Ia dilaporkan sebegitu rupa sehingga seolah-olah Dr Mahathir bercakap dengan panjang lebar mengenai kemungkinan self-infliction dan hanya pada akhirnya seperti yang mereka laporkan, "Mahathir did add (maksudnya ada menambah, selepas bercakap panjang lebar sebelumnya) "that the authorities would investigate Anwar's complaints".

Ada juga contoh lain bagaimana kronologi peristiwa mengenai sesuatu perkara itu diputar-belitkan demi 'menyedapkan' laporan berita.

Misalnya bagaimana Anwar ditahan, yang menurut media asing, hanya selepas Anwar membuat dakwaan mengenai kawalan pertukaran asing yang kerajaan perkenalkan, yang menurut Anwar akan digunakan untuk menyelamatkan kroni Dr Mahathir.

Sedangkan kita tahu, penahanan itu hanya dilakukan selepas berlakunya perhimpunan haram membabitkan banyak tempat dalam sehari iaitu di Masjid Negara, Dataran Merdeka, kemudian ke PWTC dan ke kawasan berhampiran kediaman Perdana Menteri.

Kemudian ada pula name-calling atau sapaan menyindir. Kononnya Penjara

Kamunting ialah Mahathir Mariott. Mariott, seperti yang kita ketahui, ialah nama bagi rangkaian hotel terkemuka dunia khusus untuk mereka yang kebanyakannya kaya dan ternama saja.

Setakat ini, tiada pula tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ekoran isu terbaru itu yang terus dibawa ke penjara di Taiping itu.

Lagipun dengan memanggil penjara itu sebagai Mahathir Mariott, cuba memberi gambaran silap kononnya Dr Mahathir menghukum ramai orang di bawah ISA yang mereka sebulat suara mengecapnya sebagai draconian atau amat zalim.

Laporan media asing ini masih juga tidak menerima hakikat bahawa kegawatan ekonomi yang dialami negara ini, seperti juga negara Asia lain dan luar Asia kini ialah gelagat spekulator matawang.

Maka dalam laporan mereka seolah-olah menyindir dengan menulis spekulator yang Dr Mahathir sebutkan, di dalam kata ajuk atau inverted commas. Seolah-olah 'spekulators' yang Dr Mahathir sebutkan, bukanlah spekulator yang mereka mahu fahami.

Mesej yang mereka cuba sampaikan ialah kononnya kegawatan ekonomi yang dialami ialah kerana masalah dalaman negara kita sendiri yang kononnya pula diakibatkan begitu meluasnya amalan perdagangan yang tidak sihat berikutan hebatnya gejala nepotisme, kronisme dan rasuah di negara ini.

Semua yang digambarkan oleh media asing itu memang ramuan baik untuk mendapat perhatian audien masing-masing.

Dan audien yang mungkin termakan sama dengan dakyah mereka itu ialah beberapa pemimpin dunia yang secara sembrono, menerimanya sebagai the absolute truth atau sebenar-benarnya, lalu tidak perlu menyemaknya menerusi saluran diplomatik yang sah.

Tidak hairanlah mereka mengambil pendirian untuk 'menyerang' kerajaan negara ini berhubung isu terkini, dan mereka ini malangnya termasuklah pemimpin negara yang masih rookie statusnya yakni tak sampaipun setahun jagung menduduki kerusi panas nombor satu negara masing-masing.

Kalau laporan media asing sedemikian jijiknya, dan pula media utama yang sah dan mempunyai permit untuk mengedarkannya kepada umum dianggap pengampu sedangkan hingga kini, mereka telah memainkan fungsi sewajarnya demi negara, apa pilihan lain yang ada pada sebilangan masyarakat yang masih tercari-cari maklumat yang dapat memuaskan cita rasa mereka?

Internet. Sememangnya ia kini kaedah termudah untuk mendapatkan maklumat terkini, khususnya yang disalurkan oleh individu tidak bertanggungjawab supaya kelihatan lebih menarik dan meyakinkan, apatah lagi jika ianya hasil adunan half-truth atau separuh benar.

Tetapi inilah langkah mudah kita untuk mempercayai sesuatu sedangkan ia hanyalah satu dimensi baru pada surat layang, yang selama ini kita amat sukar mempercayainya kerana tahap kepalsuannya yang tinggi.

Apa, sudahkah kita mencapai kata putus kini bahawa sesungguhnya surat layang dimensi baru ini adalah yang benar, tiada yang tidak benar, melainkan segala-galanya benar belaka?